

Ekoran pembekuan kewangan Barat kerana tidak iktiraf kerajaan Hamas

Malaysia bantu Palestin

UM-19/5/2006

Oleh ABDUL RAZAK DIN
dan HATA WAHARI

PULAU PANGKOR 18 Mei - Malaysia akan memulakan gerakan menghulur bantuan kepada Palestin yang kini menghadapi tindakan pembekuan kewangan daripada Israel, Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, bantuan ini perlu dilakukan kerana sudah menjadi kewajipan negara untuk membantu rakyat Palestin yang sedang menderita.

"Kita perlu membantu rakyat yang menderita ini kerana ia adalah satu kewajipan yang perlu kita penuhi mengikut kemampuan kita," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan majlis pecah tanah Taman Organik Hi-Q milik Global Hi-Q Biotech (M) Sdn. Bhd. (GHi-Q) di Teluk Dalam di sini hari ini.

Sebelum ini, beberapa pihak telah menyuarakan cadangan agar kutipan derma dijalankan bagi membantu rakyat Palestin seperti yang dibuat oleh rakyat Indonesia.

Perdana Menteri selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, Malaysia juga pada masa yang sama akan meminta AS dan negara Barat supaya menukar sikap mereka terhadap kerajaan Palestin pimpinan Hamas.

"Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah telah menghentikan sumbangan kepada kerajaan Palestin selepas Hamas yang dituduh pertubuhan pengganas memenangi pilihan raya negara itu dan kerajaan Palestin kini dilaporkan semakin tertekan," katanya.

Dalam perkembangan terkini, Hamas juga gagal memperoleh dana asing kerana bank-bank tempatan, serantau dan antarabangsa bimbang dengan tindakan AS.

Abdullah berkata, masalah yang dihadapi Palestin sejak kerajaan baru ditubuhkan itu semakin meruncing menyebabkan penderitaan kepada rakyatnya.

Kata beliau, adalah penting bantuan dihulurkan kepada negara itu sejak sumber bantuan sebelum ini disekat.

"Mereka perlu mendapatkan bantuan dari negara-negara lain. Insya-Allah kita akan usaha untuk memberi apa yang sekadar kita

Malaysia bantu Palestin

mampu," katanya.

Beliau berkata, Malaysia berharap negara Barat dapat menukar sikap kerana yang menderita sekarang adalah rakyat Palestin yang memerlukan bantuan.

"Yang perlu dapat bantuan ialah rakyat, rakyat yang menderita dan rakyat tidak boleh dihukum kerana mereka telah pun memilih parti untuk menubuhkan kerajaan," ujarnya.

Beliau berkata, keputusan yang dibuat oleh rakyat Palestin itu perlu dihormati.